

02 SEP 1999

Aids-Belia

BELIA PALING BERISIKO DIJANGKITI HIV

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Golongan muda yang berusia dalam lingkungan 18 hingga 30 tahun dikenali sebagai golongan yang paling terdedah kepada jangkitan HIV.

Presiden Majlis Aids Kebangsaan Datin Paduka Marina Mahathir berkata ia berdasarkan statistik dari seluruh dunia yang menunjukkan golongan berkenaan paling ramai dijangkiti HIV.

"Terdapat banyak sebab kenapa mereka jadi tumpuan, antaranya kerana terlibat dalam kegiatan berisiko tinggi seperti berkongsi jarum suntikan dan juga seks tidak selamat," katanya pada persidangan berita sempena seminar Bertindak Terhadap Aids: Golongan Muda Ke Arah Perubahan di sini hari ini.

Marina berkata ia juga disebabkan kurangnya kesedaran di kalangan muda-mudi sekarang serta tanggapan bahawa mereka tidak akan dijangkiti oleh penyakit berbahaya itu.

Menurut laporan jangkitan Aids di negara ini saja, bagi tempoh Januari 1986 hingga November 1997, daripada 23,571 kes yang dilaporkan, 43 peratus daripadanya adalah mereka yang berusia dalam lingkungan 30 hingga 39 tahun, diikuti golongan berusia 20 hingga 29 tahun yang mencatat 40.6 peratus.

"Saya berpendapat bagi memastikan program pendidikan Aids bagi golongan ini lebih berkesan ia haruslah mendapat input dari kalangan mereka juga memandangkan sebelum ini kebanyakan program sedemikian dilaksanakan oleh golongan dewasa yang tidak begitu memahami masalah sebenar golongan muda sekarang," katanya.

Seminar dua hari yang akan berakhir esok itu dianjurkan oleh pelajar yang menyertai Sukarelawan Program Aids Universiti Malaya dan Kelab Sukarelawan Aids Universiti Putra Malaysia serta dan dibantu oleh majlis itu.

Antara program yang dijalankan termasuk pameran, tayangan video, perbincangan dan juga sesi soal jawab mengenai Aids.

Marina berkata program itu adalah sebahagian daripada kegiatan yang dianjurkan sempena Kongres Antarabangsa mengenai Aids di Asia dan Pasifik Kelima (ICAAP) yang akan berlangsung pada Oktober ini.

-- BERNAMA

NM RON